

PENGARUH KECERDASAN EMOSI DAN GAYA
PEMBELAJARAN TERHADAP PENCAPAIAN
MATEMATIK DALAM KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN EMPAT

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



JANNIE A. ROMAN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007

**PENGARUH KECERDASAN EMOSI DAN GAYA
PEMBELAJARAN TERHADAP PENCAPAIAN
MATEMATIK DALAM KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

JANNIE A. ROMAN



**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.


*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

27 Disember 2007



JANNIE A. ROMAN
PS05-006(K)-124



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

TAJUK : **PENGARUH KECERDASAN EMOSI DAN GAYA PEMBELAJARAN TERHADAP PENCAPAIAN MATEMATIK DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN**

TARIKH VIVA : **12 DISEMBER 2007**

DISAHKAN OLEH

1. **PENYELIA**

EN DENIS ANDREW D. LAJIUM

SEKOLAH **PENDIDIKAN** DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KOTA KINABALU
SABAH

(Tandatangan)

2. **PENYELIA BERSAMA**

PM DR VINCENT PANG

PENGARAH
PUSAT PERKEMBANGAN AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KOTA KINABALU
SABAH

(Tandatangan)

PENGHARGAAN

Pertama sekali, syukur kepada Tuhan kerana dengan izinNya saya berhasil menyiapkan laporan akhir penulisan ilmiah ini dengan jayanya.

Pada kesempatan ini, seikhlas-ikhlas terima kasih ditujukan buat para pensyarah SPPS yang telah memberi tunjuk ajar dan berkongsi ilmu sepanjang saya bergelar pelajar sarjana: Dekan PM Dr Zulkifli B. Mohamed, PM Dr Salleh Abd Rashid, PM Dr Vincent Pang, Prof Dr Mohammad Adam Bakar, PM Dr Roselina Ahmad Saufi, Dr Hjh Naimah Yusoff, Dr Sabariah Syarif, Dr Mohd Yusof Bin Abdullah dan En Tan Choon Keong.

Penghargaan ini tidak lengkap sepenuhnya tanpa ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia disertasi En Denis Andrew D. Lajium dan PM Dr Vincent Pang atas sokongan, bimbingan dan masa yang diberikan. Terima kasih juga kepada PM Dr Salleh Abd Rashid, Dr Mohd Yusof Bin Abdullah dan Dr Sabariah Sharif atas perkongsian idea yang diberi. Juga buat semua staf SPPS yang terlibat secara langsung atau tidak, terima kasih atas kemesraan anda.

Tidak dilupai juga berbanyak terima kasih kepada guru-guru cemerlang matematik En Gan Hock Chye dan En Wong Teck Seng atas segala tunjuk ajar yang diberikan. Terima kasih ditujukan khas buat En Joisin Romut atas dorongan dan bimbingan sepanjang kajian ini dijalankan.

Yang Dihormati Pengetua Pn Martha Anthony dan yang dikasihi pelajar-pelajar tingkatan empat di SMKTFSS, terima kasih atas kerjasama yang diberikan. Rakan-rakan guru seperti Vivian, Saimin, Sikinor, John, Muri, Cath, Along, Norlizah, Pn Kartini dan rakan-rakan warden asrama di SMKTFSS, terima kasih atas bantuan yang diberi dan kerana sudi memberi ruang beserta keprihatinan.

Rana, Halina, D'yang, Mun, Mel, Yee, Fiza, Jovita, Evlyn, Ovlyn, Veron, Chin, Anah, Zu, Rosnah, Rosmah, Purnama, Sharifah, S'huda, Fadila, Fred, Lesly, Luis, Rafi, Lee, Sani, Katrie, Jainor, Gasmin, Jaikin dan yang tidak tersebut namanya di sini: Terima kasih dan semoga kita semua sukses selalu.

Akhir sekali, untuk anak-anak tersayang Jeffreyson, Jasper, Joshua, Joubert, Jayvianne; ibu bapa dan adik-beradik yang dikasihi dan istimewa buat suami tercinta, terima kasih atas dorongan, semangat dan pengorbanan masa yang kalian berikan.

Sekian.

ABSTRAK

PENGARUH KECERDASAN EMOSI DAN GAYA PEMBELAJARAN TERHADAP PENCAPAIAN MATEMATIK DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik sama ada wujud pengaruh kecerdasan emosi dan gaya pembelajaran terhadap pencapaian matematik dalam kalangan pelajar di sekolah kajian. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada wujud perbezaan kecerdasan emosi dan gaya pembelajaran berdasarkan gender. Sampel kajian terdiri daripada 135 orang pelajar tingkatan empat. Prosedur persampelan adalah kebarangkalian rawak berstrata dan rawak mudah. Instrumen kajian oleh Weisinger (1998) telah digunakan untuk mengukur kecerdasan emosi dan Inventori Pembelajaran Di Sekolah oleh Selmes (1987) digunakan untuk mengukur lima gaya pembelajaran responden iaitu gaya pembelajaran dorongan, gaya pembelajaran permukaan, gaya pembelajaran mendalam, gaya pembelajaran terancang dan gaya pembelajaran gigih usaha. Pencapaian matematik dinilai dengan menggunakan ujian setara matematik berbentuk 40 soalan objektif topikal tingkatan empat dengan Indeks Kesukaran tahap sederhana dan Indeks Diskriminasi sangat baik dengan berdasarkan tiga aras Taksonomi Bloom. Hasil kajian mendapati dua dimensi kecerdasan emosi iaitu kesedaran diri dan motivasi diri memberi pengaruh signifikan terhadap gaya pembelajaran dorongan. Motivasi diri juga secara signifikan mempengaruhi semua gaya-gaya pembelajaran lain iaitu gaya pembelajaran permukaan, gaya pembelajaran mendalam, gaya pembelajaran terancang dan gaya pembelajaran gigih usaha. Kajian ini turut mendapati bahawa terdapat hubungan positif antara kecerdasan emosi dengan pencapaian matematik tetapi pada pekali koefisien yang lemah. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa wujud pengaruh signifikan gaya pembelajaran dorongan terhadap pencapaian matematik. Responden perempuan didapati mempunyai kesedaran diri dan kawalan diri yang lebih tinggi berbanding responden lelaki dan lebih cenderung mengamalkan gaya pembelajaran dorongan.

ABSTRACT

THE INFLUENCE OF EMOTIONAL INTELLIGENCE AND LEARNING STYLES ON MATHEMATICS ACHIEVEMENT AMONG FORM FOUR STUDENTS

This research investigated the influence of emotional intelligence and learning styles on mathematics achievement among students in one particular school. Emotional intelligence and learning styles were also compared between gender. The samples of this study were 135 form four students, who were selected randomly and stratified according to gender. Emotional intelligence was measured using the instrument by Weisinger (1998) and the School Learning Inventory by Selmes (1987) was used to measure and identify five learning styles namely motivational learning style, surface learning style, deep learning style, organized learning style and hardworking learning style. Mathematics achievement was measured by conducting a test of 40 objectives questions of form four topics based on Bloom's three level. The results revealed that the component of emotional intelligence of self-awareness and self-motivation influence the motivational learning style and emotional intelligence of self-motivation also influences all of the learning styles. This study also showed that there was a positive relationship between emotional intelligence and mathematics achievement. Findings of this study also revealed that motivational learning style has a direct influence on mathematics achievement. It is also found in this study that female respondents possess higher emotional intelligence of self-awareness and self-regulation compared to male respondents and have the tendency of practising motivational learning style.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK KAJIAN	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Kerangka Konseptual Kajian	4
1.4 Soalan Kajian	5
1.5 Tujuan Kajian	5
1.6 Objektif Kajian	5
1.7 Hipotesis Kajian	6
1.8 Definisi Operasional Kajian	6
1.8.1 Kecerdasan Emosi	6
1.8.2 Gaya Pembelajaran	7
1.8.3 Pencapaian Matematik	8
1.8.4 Pelajar Tingkatan Empat	9
1.9 Signifikasi Kajian	10
1.10 Limitasi Kajian	11

1.11	Penutup	12
------	---------	----

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	13
2.2	Kecerdasan Emosi (EQ)	13
2.2.1	Latar Belakang	13
2.2.2	Hubungan Kecerdasan Emosi Dan Kecerdasan Intelek	15
2.2.3	Kompetensi Individu Dengan Kecerdasan Emosi Tinggi	17
2.2.4	Potensi Kecerdasan Emosi	18
2.2.5	Ukuran Kecerdasan Emosi	18
2.2.6	Komponen-komponen Kecerdasan Emosi	19
	A. Kemahiran Personal	20
	Kesedaran Diri (<i>Self-awareness</i>)	20
	Kawalan Diri (<i>Self-regulation</i>)	20
	Motivasi Diri (<i>Self-motivation</i>)	20
	B. Kemahiran Sosial	21
	Empati (<i>Empathy</i>)	21
	Kemahiran Sosial (<i>Social skills</i>)	21
	Kerohanian (<i>Spirituality</i>)	21
	Kematangan (<i>Maturity</i>)	22
2.2.7	Kecerdasan Emosi Dalam Pendidikan	22
2.3	Gaya Pembelajaran	24
2.3.1	Latar Belakang	25
2.3.2	Teori-teori Gaya Pembelajaran	26
	Model Gaya Pembelajaran Felder dan Silverman	26
	Model Myers-Briggs Type Indicator (MBTI) 1985	26
	Model Gaya Pembelajaran Kolb	27
	Model Gaya Pembelajaran Honey dan Mumford	30

Model Gaya Pembelajaran Guilford (1981)	31
Model Gaya Pembelajaran Slavin	32
Model Hermann Brain Dominance Instrument (HBDI)	32
Model Gaya Pembelajaran Gregorc (1979)	33
Model Gaya Pembelajaran Pask	34
Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1992)	34
Model Gaya Pembelajaran Selmes (1987)	36
2.3.3 Gaya Pembelajaran Dalam Pendidikan	37
2.4 Pencapaian Matematik Di Sekolah	39
2.5 Hubungan EQ, Gaya Pembelajaran Dan Pencapaian Matematik	40
2.5.1 Hubungan EQ Dengan Gaya Pembelajaran	40
2.5.2 Hubungan EQ Dengan Pencapaian Matematik	41
2.5.3 Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Matematik	42
2.5.4 Hubungan EQ Dan Gaya Pembelajaran Berdasarkan Gender	43
2.6 Kerangka Teoritikal Kajian	44
2.7 Kerangka Konseptual Kajian	45
2.8 Kesimpulan	46

BAB 3 : METODOLOGI

3.1 Pengenalan	47
3.2 Pendekatan Kajian	47
3.3 Populasi Dan Prosedur Persampelan	47
3.4 Prosedur Kajian	48
3.5 Instrumen Kajian	49
3.6 Teknik Analisis Data	52
3.7 Kesimpulan	52

BAB 4 : HASIL ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	53
4.2	Profil Responden	53
4.3	Kebolehpercayaan Pengukuran	53
4.4	Imbasan Statistik Variabel-variabel	55
4.5	Ujian Hipotesis Dan Penilaian Dapatan	56
4.5.1	Ujian Hipotesis Pengaruh EQ Terhadap Gaya Pembelajaran	57
4.5.2	Ujian Hipotesis Pengaruh EQ Terhadap Pencapaian Matematik	59
4.5.3	Ujian Hipotesis Pengaruh Gaya Pembelajaran Terhadap Pencapaian Matematik	59
4.5.4	Ujian Hipotesis Variabel Berdasarkan Gender	60
	Ujian Hipotesis EQ Berdasarkan Gender	61
	Ujian Hipotesis Gaya Pembelajaran Berdasarkan Gender	62
4.6	Ringkasan Hasil Analisis Kajian	63

BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	65
5.2	Perbincangan Dan Implikasi Kajian	65
5.2.1	Pengaruh EQ Terhadap Gaya Pembelajaran	66
5.2.2	Pengaruh EQ Terhadap Pencapaian Matematik	66
5.2.3	Pengaruh Gaya Pembelajaran Terhadap Pencapaian Matematik	67
5.2.4	Perbezaan EQ dan Gaya Pembelajaran Berdasarkan Gender	68
	Perbezaan EQ Berdasarkan Gender	69
	Perbezaan Gaya Pembelajaran Berdasarkan Gender	71
5.3	Implikasi Keseluruhan Kajian	73
5.4	Cadangan Kajian Masa Depan	76

BIBLIOGRAFI	77
SENARAI LAMPIRAN	83
LAMPIRAN A: Soal selidik	83
LAMPIRAN B: Ujian Matematik Tingkatan Empat	87
LAMPIRAN C: Jadual Spesifikasi Ujian Matematik 1449/1 Bentuk Objektif Tingkatan Empat	99
LAMPIRAN D: Analisis Indeks Kesukaran Dan Indeks Diskriminasi Ujian Matematik	100
LAMPIRAN E: Kebolehpercayaan Pengukuran EQ Dan Gaya Pembelajaran	101
LAMPIRAN F: Ujian Untuk Menguji Sama Ada Data Tertabur Secara Normal Atau Tidak	113
LAMPIRAN G: Analisis Statistik Ujian-t Bagi Variabel-variabel Berdasarkan Gender	116
LAMPIRAN H: Ujian Regresi Bagi Variabel-variabel Kajian	118



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 3.1:	Bilangan Pelajar Mengikut Gender Tingkatan Empat Di Sekolah Kajian	48
Jadual 3.2:	Nombor Item-item Soal Selidik Bagi Setiap Dimensi EQ	49
Jadual 3.3:	Nombor Item-item Soal Selidik Dan Nilai Koefisien <i>Cronbach Alfa</i> Bagi Setiap Dimensi Gaya Pembelajaran	50
Jadual 3.4:	Jadual Spesifikasi Ujian Matematik 1449/1 Bentuk Objektif Topik Tingkatan Empat	51
Jadual 3.5:	Kaedah Statistik Untuk Ujian Hipotesis	52
Jadual 4.1:	Profil Responden	53
Jadual 4.2:	Nilai Koefisien Kebolehpercayaan <i>Cronbach Alfa</i> Variabel EQ Dan Gaya Pembelajaran	55
Jadual 4.3:	Statistik Deskriptif Bagi Setiap Variabel	55
Jadual 4.4:	Jadual Analisis Korelasi Pearson Variabel-variabel Kajian	58
Jadual 4.5:	Ujian Regresi Setiap Dimensi EQ Terhadap Gaya-gaya Pembelajaran	59
Jadual 4.6:	Ujian Regresi EQ Terhadap Pencapaian Matematik	60
Jadual 4.7:	Ujian Regresi Gaya Pembelajaran Terhadap Pencapaian Matematik	60
Jadual 4.8:	Analisis Statistik Perbezaan EQ Berdasarkan Gender	61
Jadual 4.9:	Analisis Statistik Perbezaan Gaya Pembelajaran Berdasarkan Gender	62
Jadual 4.10:	Ringkasan Hasil Analisis Kajian	63
Jadual 5.1:	Perbandingan Min Setiap Item Gaya Pembelajaran Dorongan Antara Responden Lelaki Dan Perempuan	73

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian	4
Rajah 2.1: Ringkasan Himpunan Teori EQ Mengikut Pengkaji Terdahulu	15
Rajah 2.2: Teori Pembelajaran <i>Experiential</i> Kolb	28
Rajah 2.3: Persamaan Model Kolb Dengan Model Honey Dan Mumford	30
Rajah 2.4: Kerangka Teoritikal Kajian	44
Rajah 2.5: Kerangka Konseptual Kajian	45
Rajah 3.1: Kerangka Prosedur Persampelan	48
Rajah 5.1 Agihan Fokus Perbincangan Mengikut Soalan Kajian	65



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

AiMaths	-	<i>Achievement in Mathematics</i>
ELT	-	<i>Kolb's Experimental Learning Theory</i>
EQ	-	Kecerdasan Emosi
EQE	-	Kecerdasan Emosi Dimensi Empati
EQK	-	Kecerdasan Emosi Dimensi Kawalan Diri
EQKS	-	Kecerdasan Emosi Dimensi Kemahiran Sosial
EQM	-	Kecerdasan Emosi Dimensi Motivasi
EQS	-	Kecerdasan Emosi Dimensi Kesedaran Diri
ESTJC	-	<i>Extrovert, Sensor, Thinker, Perceiver</i>
GP	-	Gaya Pembelajaran
GPD	-	Gaya Pembelajaran Dorongan
GPG	-	Gaya Pembelajaran Gigih Usaha
GPM	-	Gaya Pembelajaran Mendalam
GPP	-	Gaya Pembelajaran Permukaan
GPT	-	Gaya Pembelajaran Terancang
HBDI	-	Model Herman Brain Dominance
ID	-	Indeks Diskriminasi
IK	-	Indeks Kesukaran
INFJC	-	<i>Introvert, Intuitor, Feeler, Judger</i>
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
IQ	-	Kecerdasan Intelek
JSU	-	Jadual Spesifikasi Ujian
MBTI	-	<i>Model Myers-Briggs Type Indicator 1985</i>
MSCEIT	-	<i>Mayor-Salovey-Carouso Emotional Test</i>
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PONS	-	<i>Profile of Non-Verbal Sensitivity Test</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Salah satu hasrat pendidikan di negara kita *adalah untuk memberi peluang kepada setiap individu untuk memperkembang semua potensi yang mereka miliki* (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001a: 7). Dalam huraian Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001a), dinyatakan bahawa domain potensi individu terbahagi kepada emosi, intelek, rohani dan jasmani. Setiap potensi tersebut boleh berkembang ke tahap cemerlang jika diberikan peluang yang secukupnya. Berhubungkait dengan perkara itu maka kajian ini berusaha untuk memfokuskan salah satu potensi individu iaitu potensi yang berkaitan dengan emosi dalam diri pelajar.

Apabila kita mempunyai kemampuan mengenal pasti emosi diri sendiri dan orang lain maka kita dikatakan memiliki kecerdasan emosi (Luthans, 2002). Begitu juga apabila kita mempunyai kebolehan untuk menyedari, memproses, memahami dan mengurus emosi dalam diri sendiri dan orang lain, kita dikatakan memiliki kecerdasan emosi yang tinggi (Ashkanasy, 2002). Kecerdasan emosi adalah suatu komponen yang membuat seseorang menjadi pintar menggunakan emosi kerana kecerdasan ini berupaya menyediakan pemahaman yang lebih mendalam dan lebih utuh tentang diri sendiri dan orang lain (Howes & Herald, 1999 dalam Khairil, 2002). Perbincangan tentang kecerdasan emosi selanjutnya akan dihuraikan dalam bab dua.

Menurut Goleman (1998), kecerdasan emosi menentukan potensi pembelajaran melalui kemahiran praktikal yang berlandaskan kepada lima dimensi iaitu mengenali emosi sendiri (kesedaran sendiri), mengendali emosi (kawalan sendiri), motivasi diri (motivasi sendiri), mengenali emosi orang lain (empati) dan membina hubungan dengan orang lain (kemahiran sosial). Dalam kajian ini, kelima-lima dimensi kecerdasan emosi disoal selidik kepada pelajar dan kemudian dihubungkan dengan gaya pembelajaran dan pencapaian matematik mereka. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan analisis statistik regresi untuk melihat sama ada wujud pengaruh yang signifikan antara variabel-variabel yang dikaji dan juga melihat kesan perubahan R^2 terhadap variabel-variabel tersebut.

Gaya pembelajaran adalah penting kepada seseorang individu dalam mempelajari apa jua mata pelajaran termasuklah mata pelajaran matematik (Orton, 1992). Sabri Ahmad, Norlia Bt Abd Aziz dan Effendi Zakaria (2002) telah menggunakan model gaya pembelajaran oleh Selmes (1987) dalam kajian mereka mengenai hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Sehubungan dengan itu, soal selidik yang sama digunakan dalam kajian ini untuk melihat pula pengaruh gaya pembelajaran terhadap pencapaian matematik dalam kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah kajian.

Kecerdasan emosi adalah berbeza-beza antara satu individu dengan individu lain termasuklah dari segi dimensi kecerdasan emosi mereka (Goleman, 1998). Begitu juga, setiap individu memiliki gaya pembelajaran (*learning style*) yang berbeza-beza dan tersendiri (Silberman, 2007). Jumlah pelajar lelaki dan perempuan yang tidak seimbang di institusi pengajian tinggi awam kini menjadi satu isu di negara kita, iaitu dikatakan bahawa pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki (Berita Harian, 14 Julai 2006). Adakah perbezaan kecerdasan emosi dan gaya pembelajaran signifikan dengan ketidakseimbangan tersebut? Oleh yang demikian, kajian ini juga ingin melihat sama ada wujud perbezaan variabel-variabel yang dikaji berdasarkan gender.

1.2 Pernyataan Masalah

Kejayaan diri seseorang individu tidak mungkin dapat dimiliki sepenuhnya dengan hanya berlandaskan kecerdasan intelektual (IQ) semata-mata apatah lagi dalam dunia yang kian mencabar ini (Goleman, 1996). Menurut Goleman, IQ hanya sebahagian kecil sahaja dalam proses pemikiran dan ini disokong oleh Hewitt-Gleeson (1995) yang memberi peringatan tentang bahayanya tanggapan yang menyatakan bahawa IQ adalah suatu kecerdasan yang terpenting atau apa yang dipanggilnya sebagai "*apotheosis of logic*" dalam mentafsir kejayaan hidup seseorang. Walhal, secara empirikalnya didapati bahawa kecerdasan emosi (EQ) adalah faktor penentu kritikal dalam memastikan keberkesanan kepimpinan dan kejayaan hidup (Cherniss, 1998; Goleman, 1998). Elias dan Arnold (2003) mencadangkan bahawa EQ perlu diwujudkan secara seimbang dengan IQ dalam proses pembelajaran di sekolah. Oleh itu, EQ memainkan peranan yang penting dan seharusnya mempunyai implikasi yang besar dalam konteks sistem pendidikan kita sejajar dengan kehendak negara yang bukan sahaja ingin melahirkan pelajar yang cerdas-pintar tetapi pelajar yang memiliki kemahiran insaniah diri (*soft skill*) yang mantap dan tegar serta mampu bersaing dalam bidang kerjaya secara globalisasi.

Gaya pembelajaran ditakrifkan sebagai cara seseorang individu mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan masing-masing dan merupakan satu ciri peribadi yang melibatkan kemahiran penguasaan seseorang individu untuk menerima, mengumpul dan memproses maklumat (Shahabuddin & Rohizani, 2003). Shahabuddin *et al.* (2003) juga menyatakan bahawa gaya-gaya pembelajaran seseorang individu mempunyai kaitan dengan hasil atau keputusan usaha pembelajaran mereka. Kesesuaian dan kepadanan gaya pembelajaran seseorang individu dalam memperoleh ilmu sudah tentu dapat menghasilkan pencapaian akademik yang lebih baik dan efektif (Zamri & Mohamed, 2000). Proses pembelajaran melibatkan intrapersonal (interaksi diri sendiri) dan interpersonal (interaksi sesama pelajar, guru-guru, ibu bapa, masyarakat dan lingkungan persekitaran). Dimensi-dimensi dalam EQ juga berkaitan dengan diri individu dan hubungan sesama insan. Sehubungan dengan itu, kajian ini ingin melihat sama ada EQ memberi pengaruh terhadap gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar.


Pengajaran dan pembelajaran matematik yang lebih positif sepatutnya seiring dengan kemajuan negara menuju era teknologi moden. Penggunaan kemudahan teknologi pada asasnya memerlukan mata pelajaran matematik. Malangnya, kebanyakan pelajar masih tidak yakin dengan kebolehan mereka menyelesaikan masalah dalam bidang matematik (Noraini, 2003). Pencapaian matematik yang lemah dalam kalangan pelajar sekolah merupakan satu isu yang harus dipandang serius kerana jika dibiarkan berterusan ia boleh menjadi satu wabak yang mudah menular di setiap aras persekolahan (Sherman & Christian, 1999). Menurut Collins (1996), pelajar dengan kebolehan diri yang rendah selalu berfikir negatif terhadap matematik dan kurang keinginan untuk berusaha memperbaiki kebolehan diri mereka dan sebaliknya; manakala pelajar yang menyukai matematik pula cenderung untuk tekun dalam pembelajaran matematik. Oleh yang demikian, kajian ini ingin meninjau sama ada EQ dan gaya pembelajaran memberi sumbangan terhadap pencapaian matematik dalam kalangan pelajar.

Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh negara, didapati nisbah bilangan antara pelajar lelaki dan perempuan ialah 40 : 60 (Utusan Melayu, 21 Ogos 2007). Adakah isu pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki tersebut berkaitan dengan perbezaan EQ dan gaya pembelajaran? Persoalan yang timbul telah mengajak pengkaji meninjau sama ada wujud perbezaan EQ dan gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dan perempuan.

1.3 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Dalam kerangka konseptual kajian ini, kecerdasan emosi merupakan variabel bebas, manakala gaya pembelajaran dan pencapaian matematik adalah variabel bersandar. Dalam mengkaji pengaruh gaya pembelajaran terhadap pencapaian matematik, gaya pembelajaran pula menjadi variabel bebas dan pencapaian matematik menjadi variabel bersandar. Latar belakang pelajar iaitu gender diguna sebagai variabel demografi.

Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian



1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah dan kerangka konseptual kajian, maka empat soalan kajian dapat dinyatakan seperti berikut:

- i) Adakah wujud pengaruh kecerdasan emosi terhadap gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar?
- ii) Adakah wujud pengaruh kecerdasan emosi terhadap pencapaian matematik dalam kalangan pelajar?
- iii) Adakah wujud pengaruh gaya pembelajaran terhadap pencapaian matematik dalam kalangan pelajar?
- iv) Adakah wujud perbezaan kecerdasan emosi dan gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dan perempuan?

1.5 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini dibuat adalah untuk mengkaji pengaruh kecerdasan emosi dan gaya pembelajaran terhadap pencapaian matematik dalam kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah kajian. Di samping itu, kajian ini turut meninjau perbezaan kecerdasan emosi dan gaya pembelajaran berdasarkan gender.

1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dinyatakan seperti berikut iaitu:

- i) Untuk menentukan sama ada wujud atau tidak pengaruh signifikan kecerdasan emosi terhadap gaya pembelajaran;
- ii) Untuk menentukan sama ada wujud atau tidak pengaruh signifikan kecerdasan emosi terhadap pencapaian matematik;
- iii) Untuk menentukan sama ada wujud atau tidak pengaruh signifikan gaya pembelajaran terhadap pencapaian matematik; dan
- iv) Untuk menentukan sama ada wujud atau tidak perbezaan signifikan kecerdasan emosi dan gaya pembelajaran berdasarkan gender.

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis dibina berdasarkan soalan kajian dan kerangka konseptual seperti berikut:

Hipotesis a, H_a : Wujud pengaruh signifikan kecerdasan emosi terhadap gaya pembelajaran.

Hipotesis b, H_b : Wujud pengaruh signifikan kecerdasan emosi terhadap pencapaian matematik.

Hipotesis c, H_c : Wujud pengaruh signifikan gaya pembelajaran terhadap pencapaian matematik.

Hipotesis d, H_d : Wujud perbezaan signifikan kecerdasan emosi berdasarkan gender.

Hipotesis e, H_e : Wujud perbezaan signifikan gaya pembelajaran berdasarkan gender.

1.8 Definisi Operasional Kajian

Terdapat empat definisi operasional kajian ini iaitu kecerdasan emosi, gaya pembelajaran, pencapaian matematik dan pelajar tingkatan empat yang dihuraikan seperti yang dinyatakan di bawah:

1.8.1 Kecerdasan Emosi (EQ)

Kajian Mayer, Caruso dan Salovey (1999 dalam Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed, Abdul Ghani Abdullah, 2007) membuktikan bahawa kecemerlangan individu bergantung kepada kecerdasan emosi (EQ). Individu yang memiliki kecerdasan intelek (IQ) dikatakan akan lebih cemerlang lagi apabila individu itu juga memiliki EQ. Ini adalah kerana kecemerlangan IQ semata-mata tidak mungkin dapat menjamin kecemerlangan individu apabila berhadapan dengan situasi sebenar (Abdullah Sani *et al.*, 2007). Menurut Cooper dan Sawaf (1998 dalam Khairil, 2002), EQ adalah kemampuan untuk merasai, memahami dan merupakan serapan daya serta kepekaan emosi yang menjadi sumber pengaruh kepada manusia. EQ memerlukan pemilikan perasaan untuk belajar mengakui, menghargai perasaan diri dan orang lain serta menanggapi dengan tepat agar menerapkan energi emosi secara berkesan dalam kehidupan seharian (Khairil, 2002). Gardner (1983, dalam Abraham, 1999) berpendapat bahawa EQ adalah suatu kemahiran adaptif (*adaptive skill*) pada seseorang yang memiliki kesedaran mendalam terhadap emosi diri sendiri dan orang lain serta kebolehan mengurus kecerdasan emosi sebagai sumber untuk mengawal tingkahlaku orang lain. Menurut McMullen (2003), EQ bukan sahaja boleh membentuk seseorang ke arah perhubungan yang sihat malah berupaya untuk membawa seseorang bertindakbalas dengan bijak terhadap cabaran dalam kehidupan dan kerjayanya.

Goleman (1998) menyatakan bahawa EQ adalah sebahagian daripada kecerdasan manusia yang memainkan peranan penting dalam penentuan tingkahlaku, keputusan dan tindakan seseorang individu. EQ dikatakan penting dalam membuat keputusan dan semasa berfikir, kerana tanpa kawalan emosi, segala proses pemikiran akan menjadi tidak tentu dan tidak tepat (Rozman, 2000). Rozman (2000) juga menegaskan bahawa EQ mempunyai pengaruh dalam mengurus tekanan atau stres supaya hidup menjadi lebih selesa dan harmoni. Pada dasarnya, perlu diakui bahawa EQ memiliki peranan yang sangat penting dalam mencapai apa jua kejayaan sama ada di sekolah, tempat kerja atau berkomunikasi dengan masyarakat.

Dalam kajian ini definisi EQ oleh Salovey dan Mayer (1990 dalam Prati, Douglas, Ferris, Ammeter & Buckley, 2003) telah digunakan iaitu EQ didefinisikan sebagai kebolehan seseorang untuk mengawal diri sendiri, perasaan dan emosi dengan orang lain, mendiskriminasikan perasaan dan emosi serta menggunakan maklumat yang diperolehi sebagai panduan untuk berfikir sebelum bertindak. Instrumen soal selidik oleh Weisinger (1998) telah digunapakai dalam kajian ini. Pengukuran EQ dalam instrumen Weisinger (1998) dibahagikan kepada lima dimensi iaitu kesedaran diri, kawalan diri, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial. Item soal selidik dalam kajian ini dinyatakan dalam dwibahasa yang telah diterjemahkan oleh Joisin (2004) dan terjemahan tersebut disahkan semula oleh guru-guru Bahasa Inggeris dan guru-guru Bahasa Melayu daripada sekolah kajian (Lampiran A).

1.8.2 Gaya Pembelajaran

Quellette (2000) mendefinisikan gaya sebagai satu kualiti dalam diri seseorang individu, dengan aktiviti dan tingkah laku yang kekal pada jangka masa yang tertentu. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa seseorang individu memiliki gaya berfikir, cara menyampaikan dan memproses maklumat yang berbeza-beza (Quellette, 2000). Gaya pembelajaran adalah stail atau cara belajar seseorang yang bertindakbalas dengan persekitaran melalui cara memproses, mentafsir dan memperolehi ilmu maklumat serta kemahiran yang diingini (Riding & Rayner, 1999; Shahabuddin *et al.*, 2000). Shahabuddin *et al.* (2000) menyatakan bahawa gaya pembelajaran merujuk kepada cara mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan seseorang individu.

Gaya pembelajaran adalah hasil gabungan faktor-faktor individu sendiri seperti jantina, umur dan personaliti, di samping pengaruh warisan baka dan persekitaran, seperti cara pengasuhan ibu bapa, komuniti dan sekolah (Sabri *et al.*, 2002). Menurut

Shahabuddin *et al.* (2003), gaya-gaya pembelajaran seseorang individu mempunyai kaitan dengan hasil atau keputusan usaha pembelajaran mereka. Para pendidik dilatih untuk memahami bahawa setiap pelajar adalah berbeza-beza dari segi sifat fizikal, cara berfikir, tingkah laku, emosi, moral, sosial, bakat dan pelbagai aspek lain (Silberman, 2007).

Gaya pembelajaran yang dikaji dalam kajian ini merujuk kepada cara belajar yang diamalkan oleh kebanyakan pelajar dalam pembelajaran sesuatu mata pelajaran tertentu (Sabri *et al.*, 2002). Gaya pembelajaran dalam kajian ini diukur menggunakan Inventori Pembelajaran Di Sekolah oleh Selmes (1987 dalam Sabri *et al.*, 2002). Terdapat lima jenis gaya pembelajaran yang diukur dalam soal selidik Selmes ini iaitu gaya pembelajaran mendalam (*deep learning style*), gaya pembelajaran permukaan (*surface learning style*), gaya pembelajaran dorongan (*motivational learning style*), gaya pembelajaran terancang (*organized learning style*) dan gaya pembelajaran gigih usaha (*hard working learning style*). Menurut Sabri *et al.* (2002), alat instrumen ini lazimnya digunakan dengan meluas di serata dunia dalam pelbagai aspek pendidikan. Alat instrumen ini dipilih kerana didapati sesuai dengan tujuan kajian yang ingin meninjau pengaruh dimensi EQ terhadap setiap gaya pembelajaran. Alat ini juga sesuai digunakan untuk mengkaji pengaruh gaya pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran matematik seperti mana kajian yang telah dibuat oleh Sabri *et al.* (2002) yang telah meninjau hubungan antara gaya pembelajaran dengan mata pelajaran Matematik Tambahan (Lampiran A).

1.8.3 Pencapaian Matematik

Secara umumnya, pendidikan matematik di Malaysia menekankan perkembangan pelajar secara menyeluruh dari aspek perkembangan kognitif, sikap dan psikomotor serta penerapan nilai-nilai murni agar membentuk rakyat yang berguna sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Noraini, 2001). Matlamat pendidikan matematik mengikut Kementerian Pendidikan Malaysia (1998) ialah memperkembangkan pemikiran mantik, analitis, bersistem dan kritis, kemahiran penyelesaian masalah serta kebolehan menggunakan ilmu pengetahuan matematik agar individu dapat berfungsi dalam kehidupan seharian dengan berkesan (Noraini, 2001).

Laporan Tengku Zawawi (1999 dalam Baharudin, 2002) menyatakan bahawa prestasi pelajar dalam mata pelajaran matematik masih pada tahap yang rendah. Pelajar lemah luar bandar khususnya kaum bumiputera, menganggap matematik sebagai satu